

Tahap Pemahaman Peribahasa Melayu dalam kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes Berdasarkan Kesejajaran Model Proses Tiga Serangkai dengan Aras Kemahiran Berfikir

*The Level of Malay Proverbs Comprehension among Secondary School Students: A Case Study
Based on the Alignment of the Triple Processing Model with the Levels of Thinking Skills*

NOR HAFUZA MUHAMMAD ARIF* & HASMIDAR HASSAN

Received: 26-08-2025 / Accepted: 19-06-2026

ABSTRAK

Pemahaman yang baik terhadap makna peribahasa Melayu membolehkan kecendekiaan orang Melayu diserlahkan kepada masyarakat global. Dalam konteks pengajaran peribahasa Melayu di sekolah, guru menjadi agen utama untuk mengajar generasi muda peribahasa Melayu melalui pendidikan formal. Namun begitu, PdP peribahasa Melayu dilihat hanya berlaku secara literal kerana penjelasan tentang kewajaran pemilihan simbol dan tingkah laku yang dikiaskan dalam peribahasa Melayu kurang dititikberatkan. Atas sebab ini, tujuan kajian ini ialah mengenal pasti tahap pemahaman makna peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 5 dan menjelaskan tahap pemahaman tersebut berdasarkan prosedur penginterpretasian metafora dalam Model Proses Tiga Serangkai (MPTS) oleh Stöver (2010). Kajian yang bersifat kualitatif ini mengumpulkan data daripada 50 orang pelajar Tingkatan 5 tentang kefahaman mereka terhadap peribahasa Melayu. Data yang diperoleh seterusnya dianalisis dengan memetakan jawapan pelajar kepada MPTS. Analisis tersebut disejajarkan pula dengan aras kemahiran berfikir dalam Taksonomi Bloom (2001). Hasil kajian memperlihatkan bahawa pemahaman pelajar terhadap makna peribahasa Melayu berada pada tahap proses metarepresentasi dalam MPTS atau pada aras memahami dalam Taksonomi Bloom. Hal ini membuktikan bahawa kemahiran berfikir para pelajar masih berada pada aras rendah kerana mereka tidak dapat memahami dengan jelas perkaitan antara simbol yang menjadi inti sesuatu peribahasa. Dalam hal ini, penerapan MPTS ternyata mampu memberikan gambaran yang lebih jelas tentang tahap kemahiran berfikir pelajar, seterusnya membolehkan punca kelemahan pemahaman ini dicerakin secara lebih empirik. Penyelidikan ini penting untuk melestarikan akal budi Melayu dengan menekankan aspek pemahaman terhadap simbol dalam peribahasa. Usaha ini akan semakin berimpak apabila kaedah visualisasi diaplikasikan selari dengan perkembangan kecerdasan buatan.

Kata kunci: Kemahiran berfikir; Model Proses Tiga Serangkai; pengajaran dan pembelajaran; penginterpretasian; peribahasa

ABSTRACT

A sound understanding of Malay proverbs is essential for highlighting Malay intellectual heritage at the global level. In school contexts, teachers act as the primary agents in transmitting proverb knowledge through formal education. However, the teaching and learning of Malay proverbs often remain at a literal level with limited emphasis on explaining the rationale behind the symbolic elements and implied behaviours embedded in the proverbs. Accordingly, this study aims to identify the level of understanding of Malay proverb meanings among Form Five students and to explain this level based on the metaphor interpretation procedures in Stöver's (2010) Triple Processing Model (MPTS). This qualitative study involved 50 Form Five students and examined their understanding of Malay proverbs. Data were analysed by mapping students' responses onto the stages of the MPTS and aligning the findings with the cognitive levels in Bloom's Taxonomy (2001). The results reveal that students' understanding of Malay proverb meanings is predominantly at the metarepresentation stage of the MPTS, corresponding to the 'understanding' level in Bloom's Taxonomy. This indicates that students' thinking skills remain at a relatively low level, as they are unable to clearly grasp the relationships between the symbolic elements that constitute the core of a proverb. The findings demonstrate that the application of the MPTS offers a clearer and more systematic depiction of students' thinking skills and allows the sources of their limited understanding to be examined empirically. This study contributes to the preservation of Malay intellectual wisdom by emphasising the importance of symbolic interpretation in proverbs, and its impact may be further strengthened through the integration of visualisation methods aligned with developments in artificial intelligence.

Keywords: Thinking skill; Triple Processing Model; teaching and learning; interpretation; proverbs

PENGENALAN

Kompetensi dalam berkomunikasi amat penting bagi memastikan pendengar mahupun pembaca dapat memahami ujaran yang disampaikan dengan baik selari dengan situasi sosial, budaya dan konteks komunikasi. Bagi memastikan aktiviti komunikasi dapat berlangsung dengan baik, berkesan dan sesuai dengan norma budaya, maka pemilihan mekanisme komunikasi yang sesuai perlu dititikberatkan, termasuklah penggunaan peribahasa. Tenas Effendy (2010), Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) dan Nor Hashimah Jalaluddin (2014) menyebut bahawa peribahasa Melayu merupakan ungkapan yang sarat dengan nilai akal budi dan kearifan tempatan. Melalui peribahasa, mesej seperti teguran, peringatan usikan atau sindiran dapat disampaikan secara halus. Hal ini sekali gus dapat mengekalkan imej orang Melayu yang berbudi bahasa dan berhemah tinggi dalam berbicara. Nilai-nilai terpuji ini memungkinkan peribahasa Melayu turut ingin diterokai dan dipelajari pula oleh masyarakat dunia.

Berbincang tentang peribahasa Melayu, orang Melayu dapat mempamerkan kearifan tempatan mereka melalui proses pencerapan yang cukup baik terhadap alam sekeliling. Hal ini demikian kerana melalui peribahasa, tergambar alam dan seni asli Melayu yang mengandungi bahasa ringkas, indah dan mudah difahami (Asmah Haji Omar, 2015a). Malahan, penciptaan peribahasa Melayu berdasarkan fenomena sebenar dalam kehidupan orang Melayu pula menjadikan peribahasa sebagai satu hukum adat, nasihat moral dan peraturan dalam mengawal tindak tanduk anggota masyarakatnya (Hamilton, 1947). Dalam hal ini, Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) menjelaskan bahawa peribahasa Melayu ialah lambang komunikasi masyarakat Melayu dalam menzahirkan pemikiran, nilai dan falsafah hidup yang menjadi budaya masyarakat Melayu itu sendiri.

Menyedari hakikat bahawa peribahasa Melayu bukan sekadar bunga-bunga bahasa yang menghiasi sesuatu percakapan, maka aspek pemahaman makna peribahasa itu seharusnya diberikan penekanan agar keunggulan pemikiran Melayu dapat ditonjolkan kepada khalayak umum dan masyarakat sejagat. Hishamuddin Isam dan Mashetoh Abd Mutalib (2015) menjelaskan bahawa perkara yang menarik mengenai peribahasa ialah peri pentingnya peribahasa hanya akan dapat difahami apabila kita dapat memahami makna peribahasa. Makna peribahasa itu pula hanya dapat difahami sekiranya pembaca atau pendengar dapat memahami lambang atau simbol yang menjadi inti dalam peribahasa yang dikaji. Oleh itu, tidak dapat dinafikan lagi bahawa pemahaman tentang lambang atau simbol yang digunakan dalam peribahasa merupakan satu perkara yang penting kerana mempunyai keperluan yang jelas.

Walau bagaimanapun, dalam konteks PdP peribahasa Melayu di sekolah, realitinya topik peribahasa merupakan antara topik yang agak sukar diajarkan oleh para guru dan juga sukar difahami oleh para pelajar (Siti Raudhatul Jannah Iskandar Miza & Nor Azwahanum Nor Shaid, 2025; Nur Syuaidatul Haneesa Mohd Shaffie et al., 2025). Dalam konteks pengajaran peribahasa di bilik darjah, guru harus mengetahui bahawa pengajaran aspek peribahasa memerlukan penghayatan yang tinggi dan kemahiran berfikir aras tinggi juga. Dalam proses memindahkan ilmu ini, guru itu sendiri hendaklah memahami dengan baik kebijaksanaan yang tersirat di sebalik setiap peribahasa. Lebih penting lagi, guru juga harus memahami kewajaran penggunaan simbol dan makna yang dikiaskan dalam peribahasa itu untuk diajarkan kepada para pelajar.

Namun begitu, hakikatnya, guru lebih cenderung mengajarkan topik peribahasa secara literal sahaja kepada para pelajar ketika proses PdP berlangsung (Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet, 2024). Dalam kebanyakan proses PdP, guru meminta pelajar untuk merujuk buku rujukan atau kamus peribahasa yang ada bagi mendapatkan maksud peribahasa yang dipelajari.

Selain itu, pelajar juga diminta untuk menghafal maksud peribahasa itu. Teknik pengajaran sebegini menyebabkan proses kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar tidak berlaku secara optimum walaupun kemungkinan besar pelajar dapat memberikan jawapan yang tepat dalam peperiksaan (Hasmidar Hassan, 2016).

Sehubungan dengan itu, guru seharusnya mempunyai kefahaman yang mantap tentang asas metafora dan simbolik peribahasa bagi membolehkan maksud yang diimplikasikan oleh peribahasa itu dapat disampaikan secara berkesan kepada pelajar. Perkara inilah yang ditekankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin (2014), iaitu kegagalan menghuraikan hubungan antara simbol dengan makna implisit dalam peribahasa menjadikan pemahaman pelajar bersifat dangkal kerana tidak melibatkan proses inferens yang mendalam.

Namun begitu, dapatan daripada kajian kes yang dijalankan ini menunjukkan bahawa dalam amalan PdP yang sebenar, guru cenderung mengajarkan peribahasa secara literal dengan hanya memfokuskan pada pemberian maksud secara langsung tanpa menghuraikan rasional pemilihan simbol yang digunakan. Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Ahmad Fuad Mat Hassan (2011) turut berpendapat yang sama. Mereka menegaskan bahawa pengajaran peribahasa di bilik darjah lazimnya bersifat deskriptif dan berorientasikan hafalan. Kebiasaannya, pelajar diminta merujuk buku teks, buku rujukan atau kamus peribahasa bagi mendapatkan maksud peribahasa yang dipelajari, seterusnya menghafal maksud tersebut. Pendekatan pembelajaran yang sangat bersifat mekanikal ini menyebabkan proses kemahiran berfikir pelajar tidak berkembang secara optimum, meskipun pelajar berkemungkinan dapat memberikan jawapan yang tepat dalam peperiksaan (Mohd Ridzuan Md Nasir & Mary Fatimah Subet, 2024). Realiti ini mencerminkan gagalannya usaha untuk mengukuhkan jati diri dan melestarikan akal budi serta falsafah hidup yang tinggi masyarakat Melayu dalam kalangan generasi muda melalui pengajaran peribahasa Bahasa Melayu di sekolah.

Bertitik tolak daripada kaedah PdP yang berlaku secara literal ini dan kegagalan mengasah kemahiran berfikir aras tinggi melalui aspek peribahasa dalam PdP Bahasa Melayu, maka kajian ini dijalankan untuk menganalisis sejauh manakah tahap pemahaman makna peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 5 yang bakal menduduki Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Secara khusus, kajian ini bermatlamat untuk mengelaskan tahap kemahiran berfikir para pelajar berdasarkan pemahaman makna peribahasa Melayu dengan MPTS oleh Stöver (2010) dan Taksonomi Bloom (2001).

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa aspek yang sering dibincangkan berkaitan peribahasa seperti penguasaan peribahasa Melayu, fungsi penggunaan peribahasa dalam berbahasa, kecendekiaan orang Melayu mengabstrakkan unsur alam untuk membina peribahasa serta pengajaran dan pembelajaran peribahasa Melayu di sekolah.

Antara perbincangan yang menumpukan pada pemaknaan peribahasa sebagai manifestasi akal budi Melayu yang bernilai budaya ialah kajian oleh Muhammad Zaid Daud dan Mary Fatimah Subet (2020) yang meneroka peribahasa *sudah tidak tersudu oleh angsa, baru diberikan kepada itik* melalui simbol objek seperti unggas. Dengan berbantuan pendekatan Semantik Inkuisitif, latar pemikiran dan falsafah di sebalik sesuatu ungkapan peribahasa dapat dicerakinkan secara sistematik. Begitu juga dengan kajian oleh Junaini Kasdan dan Julaina Nopiah (2021), yang menganalisis simbol padi dalam peribahasa Melayu *baik membawa resmi padi, daripada*

membawa resmi lalang dan bawa resmi padi, semakin berisi semakin tunduk. Kajian ini dapat membuktikan bahawa pendekatan Semantik Inkuisitif mampu menjelaskan dan memberikan gambaran yang mendalam tentang kearifan dan akal budi Melayu. Seterusnya, kajian oleh Sarah Balqis Zain Azman et al. (2025) terhadap simbol api dalam peribahasa Melayu mendapati bahawa api menjadi lambang kekuatan emosi, tetapi kajian ini turut menekankan bahawa wujudnya jurang antara makna literal dengan pemahaman budaya disebabkan oleh masyarakat cenderung menghafal maksud peribahasa tanpa memahami makna simbol secara mendalam. Meskipun peribahasa telah dapat dibuktikan sebagai satu bentuk gaya bahasa yang mendapat mempamerkan kearifan tempatan, tetapi perbincangan tentang kaedah pengajaran peribahasa dalam PdP ini juga wajar dterokai secara rinci. Hal ini dikatakan demikian kerana walaupun peribahasa mencerminkan akal budi Melayu, tetapi nilai dan falsafahnya masih belum diterapkan secara berkesan dalam pengajaran formal.

Isu kritikal dapat diteliti melalui kajian yang dijalankan oleh Hasmidar Hassan (2016). Kajian ini menunjukkan bahawa ketidakmampuan pelajar memahami maksud peribahasa Melayu bukanlah satu fenomena yang asing kerana punca utama masalah ni terus berlaku adalah kerana kelemahan proses kognitif pelajar untuk menginterpretasi makna secara implisit. Kajian terhadap pelajar Institut Pendidikan Guru (IPG) mendapati bahawa kegagalan memahami peribahasa berpunca daripada ketidakupayaan pelajar memahami makna leksikal dan peluasan makna serta ketiadaan maklumat latar belakang tentang ciri atau sifat lambang yang digunakan dalam peribahasa. Kelemahan ini menyebabkan pelajar gagal mengaplikasikan maklumat sedia ada dengan konteks input ketika melakukan proses penginterpretasian makna. Dapatan ini selari dengan kajian Tang et al. (2021) yang mendapati bahawa murid sekolah menengah turut menghadapi kesukaran memahami peribahasa apabila aspek konteks, kesan konteks dan usaha memproses tidak dapat dimanfaatkan secara optimum lantaran mereka gagal mengaitkan ciri simbol dalam peribahasa itu. Kedua-dua kajian yang berteraskan Teori Relevans ini jelas menunjukkan bahawa pemahaman peribahasa memerlukan penglibatan proses kognitif yang kompleks dan kemahiran berfikir yang mantap. Namun demikian, kajian-kajian tersebut masih kurang menghuraikan secara terperinci tahap proses kognitif yang dilalui oleh pelajar dalam memahami peribahasa.

Seterusnya, kajian oleh George Romiko Bujang dan Mari Fatimah Subet (2021) pula memfokuskan keberkesanan penggabungan pendekatan Semantik Inkuisitif dengan KBAT dalam PdP bahan seni bahasa. Tumpuan diberikan untuk membantu murid merungkai makna tersirat yang terkandung dalam teks. Melalui reka bentuk kajian kualitatif yang melibatkan analisis teks dan respons daripada tujuh orang murid tahun lima, dapatan menunjukkan bahawa pendekatan ini dapat mengubah daripada pemahaman literal pada tahap KBAR menjadi satu proses pemahaman makna yang lebih optimum, iaitu proses analisis, penaakulan dan refleksi yang lebih mendalam. Namun begitu, keterbatasan saiz sampel dan ketiadaan perbandingan dengan kaedah pengajaran konvensional mengehadkan impak dapatan kajian ini. Meskipun demikian, kajian ini signifikan kerana membuktikan bahawa bahan seni bahasa seperti peribahasa mempunyai potensi besar sebagai medium pemupukan KBAT apabila digarap melalui pendekatan Semantik Inkuisitif yang berstruktur.

Thavarajah et al. (2021) turut menyumbang secara signifikan kepada bidang pentaksiran penulisan bahasa Melayu dengan membincangkan pendekatan pentaksiran analitik elemen KBAT berasaskan Teori Metafora Konsepsi. Kajian ini membuktikan bahawa penggunaan metafora konsepsi mampu menyingkap tahap pemikiran murid secara mendalam, khususnya dalam menilai keupayaan murid menjana idea, membuat hubungan konseptual dan menzahirkan pemikiran

abstrak dalam penulisan. Namun begitu, keterbatasan kajian ini adalah dari segi skop kerana hanya melibatkan dua sampel pemndahuluan karangan dan lebih menumpukan pada aspek pentaksiran dibandingkan dengan implikasi pedagogi secara langsung dalam PdP. Meskipun begitu, kajian ini tetap relevan dan bernilai kerana membuka ruang kepada penggunaan teori linguistik kognitif sebagai alternatif yang lebih mendalam untuk menilai KBAT dalam penulisan murid.

Oleh itu, berdasarkan sorotan kajian yang dilakukan ini, didapati bahawa belum ada lagi kajian yang menerapkan kemahiran berfikir (kedua-dua aras kemahiran berfikir (KBAR dan KBAT) dalam pembelajaran aspek gaya berbahasa, khususnya peribahasa Melayu. Tambahan pula, kajian yang menerapkan Model Hibrid Baharu (MHB) oleh Stöver (2010) menerusi pengaplikasian MPTS masih lagi terhad di Malaysia. Setakat ini, kupasan tentang pengoperasian MHB hanya dibincangkan oleh Nor Hafuza Muhammad Arif et al. (2024a, 2024b, 2024c, 2024d). Justeru, kajian ini merupakan satu alternatif untuk mengisi kelompangan dalam kajian-kajian lepas, iaitu mengkaji tahap pemahaman peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar sekolah menengah dengan mengaplikasikan MHB. Seterusnya, langkah mensejajarkan dapatan daripada MHB dengan tahap kemahiran berfikir dalam Taksnomi Bloom ternyata merupakan satu langkah yang signifikan agar analisis dan dapatan yang lebih komprehensif dapat diperoleh.

METODOLOGI

Pendekatan kualitatif yang bersifat deskriptif menjadi asas dalam kajian ini, manakala kajian lapangan merupakan kaedah kajian yang digunakan. Seramai 50 orang pelajar Tingkatan 5 di sebuah sekolah menengah kerajaan telah dijadikan sebagai sampel kajian. Menurut Asmah Haji Omar (2015b), sampel merupakan sebahagian kecil sahaja daripada keseluruhan kelompok dan dianggap mewakili keseluruhan kelompok tersebut. Justifikasi pemilihan pelajar Tingkatan 5 sebagai sampel kajian adalah kerana pelajar Tingkatan 5 telah melalui fasa pembelajaran yang dikatakan sebagai hampir lengkap. Oleh itu, pengetahuan mereka tentang peribahasa Melayu diandaikan lebih baik dibandingkan dengan tahap penguasaan dan pemahaman peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 4. Selain itu, faktor lain yang mewajarkan pemilihan pelajar Tingkatan 5 ini adalah kerana mereka seharusnya berada pada tahap sudah menguasai segala yang diajarkan selama empat tahun yang lalu dan telah mempersiapkan diri mereka untuk menghadapi peperiksaan Sijil pelajaran Malaysia (SPM).


Oleh yang demikian, instrumen kajian ini ialah soal selidik terhadap 50 orang pelajar yang dipilih secara rawak itu telah diuji dengan 15 soalan peribahasa Melayu yang diambil daripada buku rujukan peribahasa yang bertajuk Peribahasa Sekolah Menengah oleh Asiah Abdul Rahman (2018). Soalan-soalan yang dibina bagi tujuan soal selidik ini terdiri daripada dua jenis peribahasa, iaitu perumpamaan dan bidalan. Perumpamaan merupakan sejenis peribahasa yang membandingkan atau mengumpamakan sesuatu tingkah laku manusia dengan alam sejagat, iaitu dengan apa-apa yang terdapat di sekeliling persekitaran hidup mereka. Misalnya, *bagai aur dengan tebing* dan *seperti katak di bawah tempurung*. Bidalan pula ialah susunan kata-kata yang telah umum digunakan atau ucapan fikiran atau perasaan yang setepat-tepatnya, disampaikan secara berkias atau beribarat sahaja (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011). Antara contoh bidalan ialah *ada air adalah ikan* dan *air beriak tanda tak dalam*.

Terdapat dua bentuk soalan yang dikemukakan kepada pelajar. Pertama, menyatakan maksud peribahasa bagi setiap peribahasa yang disenaraikan. Kedua, pelajar perlu mengenal pasti peribahasa dalam konteks atau situasi yang diberikan dan kemudiannya memberikan maksud peribahasa yang telah dikenal pasti itu. Jawapan yang diberikan oleh para pelajar itu akan diteliti

dan dianalisis bagi mengenal pasti tahap penguasaan peribahasa Melayu oleh mereka. Hasil analisis ini adalah sangat signifikan, khususnya buat para guru kerana para pelajar yang dijadikan sebagai sampel kajian ini telah diajarkan topik peribahasa Melayu sebelum ini (walaupun secara literal oleh guru-guru mereka). Dengan kata lain, impak kaedah pengajaran sebegini dapat dibuktikan melalui kajian yang dijalankan ini. Bagi mengukuhkan penghuraian tentang tahap pemahaman makna peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar ini, hasil analisis daripada jawapan mereka dipetakan pula kepada MPTS untuk menentukan tahap kognitif mereka berdasarkan pemahaman mereka terhadap makna peribahasa, iaitu sama ada berada pada peringkat simulasi, peringkat metarepresentasi atau mampu mencapai peringkat inferens.

KERANGKA MODEL PROSES TIGA SERANGKAI

Idea MPTS telah dicetuskan oleh Stöver (2010) dalam gagasan Model Hibrid Baharu. Model ini merupakan satu alternatif yang dibina untuk mengisi kelompangan Teori Hibrid yang dirintis oleh Tendahl (2009). Kerangka MPTS merupakan suatu bentuk pencerakinan terhadap perkembangan proses pemikiran manusia (dari perspektif pembaca atau pendengar) untuk memahami maksud ungkapan yang bersifat tidak literal seperti metafora. Model yang bermodular ini terdiri daripada tiga proses utama, iaitu proses simulasi, proses metarepresentasi dan proses inferens. Stöver (2010) menjelaskan bahawa proses simulasi dan proses inferens bergerak secara serentak, iaitu semakin hampir konsep ad hoc menemui kesempurnaan, semakin jelas corak yang ditonjolkan oleh sesuatu imej pada proses simulasi. Namun begitu, bagi tujuan penulisan makalah ini, proses-proses tersebut dihuraikan secara berperingkat bermula dari proses simulasi sehingga proses inferens.




RAJAH 1. Adaptasi dan ringkasan Model Proses Tiga Serangkai oleh Stöver (2010)

Berdasarkan Rajah 1, Stöver (2010) memetakan proses yang berlaku dalam minda manusia secara visual. Setiap proses dicerakin satu persatu bagi menjelaskan proses yang berlaku dalam minda manusia secara terperinci. Kerangka MPTS dalam gagasan Model Hibrid Baharu oleh Stöver (2010) yang bersistematik dan bermodular ini dilihat sesuai untuk diterapkan dalam konteks kajian ini. Walaupun MPTS memfokuskan pada pemahaman makna metafora, tetapi proses pemahaman terhadap makna peribahasa juga boleh memanfaatkan MPTS ini kerana peribahasa juga bercirikan kiasan. Oleh yang demikian, dengan memanfaatkan MPTS, jawapan pelajar yang diperoleh daripada soal selidik itu dianalisis dan dikelaskan mengikut tahap ukuran sebagaimana yang terkandung dalam MPTS bagi mengenal pasti tahap pemahaman pelajar dapat dicapai.

TAHAP KEMAHIRAN BERFIKIR MENGIKUT TAKSONOMI BLOOM
(EDISI SEMAKAN OLEH ANDERSON & KRATHWOHL, 2001)

Proses penginterpretasian peribahasa sebenarnya melibatkan hampir kesemua tahap kemahiran berfikir atau disebut sebagai domain kognitif dalam gagasan Model Taksonomi Bloom. Dari perspektif pendidikan di Malaysia, kemahiran berfikir merupakan salah satu agenda kemahiran masa depan yang disasarkan dalam RPN 2026-2035. Agenda tersebut merangkumi keupayaan berfikir secara kritis, bersifat adaptif dan berani menghadapi cabaran baharu dalam konteks ekonomi dan sosial yang sentiasa berubah.

Komponen kemahiran berfikir yang terdiri daripada enam aras/tahap dapat dijelaskan melalui kerangka Taksonomi Bloom (1956) dan versi kemas kini oleh Anderson dan Krathwohl (2001). Dalam konteks makalah ini, domain kognitif mengikut versi kemas kini diguna pakai atas faktor kekinian. Bagi tujuan memahami perbezaan antara dua versi ini, maka Rajah 2 dipaparkan seperti berikut:



Rajah 2: Perbezaan antara Taksonomi Bloom (1956) dengan Taksonomi Bloom edisi Anderson dan Krathwohl (2001)

Berdasarkan aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), pembudayaan KBAT dapat membantu pelajar untuk mengoptimalkan operasi kognitif mereka seperti membuat analisis dan inferensi. Aspek ini juga yang diketengahkan dalam proses pembentukan ad hoc oleh Carston (2010) untuk mencungkil maksud proposisi terhadap sesuatu ungkapan yang bersifat implisit. Oleh itu, penjelasan tentang kesejajaran MPTS dengan tahap kemahiran berfikir pelajar dalam memahami makna peribahasa Melayu diuraikan pula dalam bahagian perbincangan.

DAPATAN KAJIAN

Analisis terhadap 15 peribahasa yang diuji (N=50) menunjukkan variasi ketara dari segi jawapan dan kefahaman pelajar. Berdasarkan Jadual 1, tujuh peribahasa Melayu mencatatkan peratus jawapan tidak betul melebihi 50%, iaitu *terlajak perahu boleh diundur*, *terlajak kata buruk padahnya* (96%), *indah khabar dari rupa* (68%), *alah membeli menang memakai* (74%), *ukur baju di badan sendiri* (68%), *seperti rusa masuk kampung* (68%), *tiada rotan akar pun berguna* (54%) dan *jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya* (52%).

Sebaliknya, peribahasa *bagai aur dengan tebing* menunjukkan tahap penguasaan yang sangat tinggi (hanya 2% jawapan tidak betul) yang berkemungkinan berkait dengan kekerapan pendedahan dan penggunaan dalam tugas penulisan sejak sekolah rendah lagi (berdasarkan peribahasa yang disenaraikan dalam silibus Bahasa Melayu Sekolah Rendah).

Bagi menjelaskan mengapakah tujuh peribahasa tersebut sukar ditafsir, analisis kualitatif terhadap jawapan pelajar menunjukkan empat pola kesilapan dominan yang dapat diperinci. Kesilapan yang dikenal pasti ialah pelajar gagal mencari tema yang tepat bagi peribahasa itu, pelajar gagal mengaitkan simbol yang menjadi inti dalam peribahasa, pelajar tidak mengaitkan makna peribahasa dengan konteks ayat yang diberikan dan pelajar keliru dengan peribahasa lain yang mempunyai maksud yang hampir sama.

Keempat-empat pola ini tidak hanya menggambarkan kelemahan umum, malah boleh ditafsir sebagai petunjuk tahap pemprosesan kognitif dalam MPTS. Justeru, bagi mengelakkan penggunaan model bersifat deklaratif, setiap jawapan pelajar dikodkan secara sistematik kepada tahap Simulasi, Metarepresentasi, Inferens dan seterusnya dipetakan kepada aras Taksonomi Bloom (2001). Oleh yang demikian, rujuk pula Jadual 1 bagi memahami dapatan yang diperoleh:

JADUAL 1. Analisis jawapan pelajar terhadap pemahaman makna Peribahasa Melayu


Bil.	Peribahasa	Betul	Tidak Betul	Peratus Jawapan Tidak Betul
1	Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya	47	3	6%
2	Bagai kacang lupakan kulit	48	2	4%
3	Jika ular menyusur akar, tidak akan hilang bisanya	24	26	52%
4	Seperti rusa masuk kampung	16	34	68%
5	Masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak	41	9	18%
6	Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri	34	16	32%
7	Alah membeli menang memakai	13	37	74%
8	Indah khabar dari rupa	16	34	68%
9	Ukur baju di badan sendiri	16	34	68%
10	Bagai ombak di tepi pantai	36	14	28%
11	Siapa menjala siapa terjun	31	19	38%
12	Tiada rotan akar pun berguna	23	27	54%
13	Bagai aur dengan tebing	49	1	2%
14	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan	39	11	22%
15	Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya	2	48	96%

Berdasarkan pola ketidakselarasan jawapan pelajar yang diperlihatkan dalam Jadual 1, analisis seterusnya tidak terhenti pada jawapan betul atau salah semata-mata, sebaliknya meneliti proses kognitif yang tercermin dalam jawapan pelajar ketika mentafsir peribahasa. Sehubungan dengan itu, berpandukan kerangka MPTS oleh Stöver (2010), analisis dalam kajian ini dilakukan pada tahap jawapan individu, iaitu setiap jawapan pelajar bagi setiap peribahasa dijadikan unit analisis. Jawapan tersebut seterusnya ditentukan tahap pemahamannya dengan mengelaskan jawapan pelajar kepada tiga proses utama MPTS, iaitu simulasi, metarepresentasi dan inferens. Pengelasan ini berasaskan ciri operasi yang ditunjukkan dalam jawapan pelajar (contohnya sama ada pelajar hanya memberikan makna literal, mengenal pasti simbol tetapi gagal membina proposisi maksud atau berjaya merumuskan maksud peribahasa secara tepat berdasarkan konteks).

Berdasarkan pengelasan ini, kajian mendapati bahawa perkembangan kognitif pelajar Tingkatan 5 untuk memahami maksud peribahasa Melayu cenderung terhenti pada tahap metarepresentasi, iaitu pelajar mengetahui atau memahami sifat simbol yang menjadi inti peribahasa, tetapi belum dapat mengaitkan simbol-simbol tersebut untuk menghasilkan maksud peribahasa yang tepat. Seterusnya, dapatan yang diperoleh daripada pengelasan mengikut tahap MPTS ini dipetakan pula pada domain kognitif mengikut Taksonomi Bloom edisi semakan oleh Anderson dan Krathwohl (2001). Dalam pemetaan ini, jawapan pada tahap simulasi lazimnya sepadan dengan aras kemahiran berfikir mengingat, jawapan pada tahap metarepresentasi sepadan dengan aras kemahiran berfikir memahami, manakala jawapan yang mencapai inferens sepadan sekurang-kurangnya dengan aras mengaplikasi.

Hasil pensejajaran ini menunjukkan bahawa kemahiran berfikir pelajar dalam memahami dan mencungkil makna peribahasa Melayu masih dominan pada kategori Kemahiran Berfikir Aras Rendah (KBAR), iaitu melibatkan aras mengingat dan memahami, dan belum secara konsisten mencapai KBAT kerana proses mental yang ditunjukkan dalam jawapan belum memperlihatkan capaian inferens (dalam MPTS) atau mengaplikasi (mengikut Taksonomi Bloom) secara mantap.

Usaha mensejajarkan jawapan pelajar dengan tahap kemahiran berfikir ini signifikan kerana ukuran pemahaman terhadap peribahasa dapat membantu guru mengenal pasti aspek proses kognitif yang perlu diperkukuh, seterusnya merancang pendekatan pengajaran yang lebih berkesan untuk mengoptimumkan kemahiran berfikir pelajar. Dengan pelaksanaan kaedah yang bersesuaian, pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu berpotensi ditingkatkan. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang kesejajaran itu, rujuk pula Rajah 3:



RAJAH 3. Kesejajaran MPTS dengan tahap kemahiran berfikir dalam kalangan pelajar Tingkatan 5

PERBINCANGAN

Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas, dapatan kajian ini dikupas dengan lebih rinci dengan memilih peribahasa *alah membeli menang memakai* dan *seperti rusa masuk kampung*. Hal ini demikian kerana kedua-dua peribahasa ini merupakan antara tujuh peribahasa Melayu yang mencatatkan jumlah jawapan tidak betul yang paling tinggi, iaitu melebihi 50%. Selain itu, kedua-dua peribahasa ini dapat disifatkan sebagai data yang representatif kerana analisis terhadap jawapan pelajar menunjukkan bahawa terdapat beberapa input penting yang wajar dibincangkan dengan lebih mendalam dalam kajian ini. Oleh itu, sebagai langkah yang asas, peribahasa *alah membeli menang memakai* dibandingkan dahulu dengan maksud peribahasa yang dirujuk daripada Buku Peribahasa Melayu: Penelitian Makna & Nilai (Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan, 2011).

1. *Alah membeli menang memakai*

Maksud: Biar barang yang dibeli mahal sedikit asalkan tahan lama.

DATA 1

Sebanyak 74% jumlah jawapan pelajar tidak betul bagi peribahasa *alah membeli menang memakai*. Setelah bentuk-bentuk jawapan pelajar dianalisis, ternyata peratusan yang tinggi bagi jawapan yang tidak betul ini disebabkan oleh dua punca yang perlu diteliti lagi. Punca utama ialah pelajar gagal mengaitkan setiap ciri atau tingkah laku lambang/objek yang menjadi inti dalam peribahasa itu. Sebagai contoh, leksikal *alah* itu sendiri tidak dapat difahami maknanya kerana perkataan *alah* sudah tidak lazim digunakan dalam pertuturan pada hari ini. Masalah ini membuatkan mereka

tidak dapat mencari perkaitan antara keadaan kalah dan menang. Kedua, pelajar tidak mempunyai pengetahuan tentang kelaziman penggunaan peribahasa *alah membeli menang memakai* berdasarkan konteks situasi. Bagi punca ini, jawapan yang diberikan itu di luar konteks perbuatan berjual beli. Misalnya, makna peribahasa ini menunjukkan konteks perlawanan antara dua individu dalam mendapat sesuatu perkara.

Kesannya, pelajar yang terikat dengan kaedah hafalan ini cenderung memberikan jawapan yang hampir betul atau langsung tidak mempunyai kaitan kerana maknanya direka sendiri. Sedangkan, jika penekanan terhadap kewajaran pemilihan simbol atau tingkah laku *alah membeli* dan *menang memakai* itu diberikan keutamaan dalam PdP, pastinya pelajar dapat memberikan jawapan yang lebih tepat kerana mereka tidak terikat dengan hafalan itu semata-mata, sebaliknya memahami dengan baik makna peribahasa dan mengetahui dengan jelas pengaplikasian peribahasa tersebut mengikut konteks yang menjadi kelaziman. Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas tentang perbincangan ini, berikut merupakan contoh jawapan tidak betul yang telah diberikan oleh pelajar:

JADUAL 2. Contoh jawapan pelajar yang tidak betul bagi data 1

Peribahasa	Kod Sampel	Jawapan Tidak Tepat
Alah membeli menang memakai	S1	Membeli barang yang bermanfaat.
	S2	Sesuatu benda yang mahal untuk dibeli namun memberikan keselesaan kepada kita.
	S3	Tidak apalah beli situ mahal sedikit asalkan barang itu mahal.
	S4	Harga yang sesuai dengan barangnya.
	S5	Mementingkan kualiti daripada kuantiti.
	S6	Biar murah asalkan dapat berjasa pada kita.
	S7	Sesuatu keputusan yang susah dibuat tetapi hasilnya dapat memuaskan hati.
	S8	Bersusah untuk mendapatkan sesuatu dan bersenang apabila memilikinya.

Perbincangan diteruskan lagi dengan memetakan jawapan-jawapan pelajar ini kepada MPTS dalam MHB. Jika diperhatikan, contoh jawapan yang ditunjukkan itu merupakan corak jawapan yang ditunjukkan oleh 50 sampel jawapan yang dianalisis. Jawapan yang diberikan oleh pelajar terbahagi kepada dua kategori, iaitu pertama, jawapan yang menyentuh serba sedikit objek yang dikiaskan, tetapi tidak tepat. Kedua, jawapan yang langsung tidak mempunyai kaitan dengan konteks peribahasa tersebut. Perbincangan ini lebih tertumpu pada contoh jawapan dalam kod S1 hingga S6, iaitu pelajar dapat menyentuh serba sedikit ciri objek yang dikiaskan dalam peribahasa.

Bagi memastikan pemetaan jawapan pelajar kepada MPTS bersifat analitikal dan bukannya deklaratif, kajian ini menetapkan kriteria operasi bagi setiap proses. (i) Simulasi ditandai oleh pemahaman literal/imagistik terhadap tindakan *membeli* dan *memakai/menggunakan* tanpa menghubungkan pertentangan ‘alah-menang’ sebagai hubungan sebab-akibat. (ii) Metarepresentasi ditandai oleh usaha menyaring maklumat relevan (contohnya menyebut *mahal*, *bermanfaat*, *kualiti*, *keselesaan*) namun masih gagal mengintegrasikan dua komponen utama peribahasa, iaitu kerugian awal (*alah membeli*) dan keuntungan jangka panjang (*menang memakai*). (iii) Inferens hanya dikodkan apabila jawapan menunjukkan integrasi menyeluruh yang menghasilkan proposisi tepat, iaitu pembelian yang lebih mahal diterima kerana memberikan manfaat ketahanan atau kualiti yang berpanjangan, selari dengan maksud rujukan peribahasa.

Secara prosedural, pemetaan dalam jadual 2 dilakukan melalui pemetaan mikro berasaskan petunjuk dalam jawapan. Sebagai contoh, jawapan S2 (*mahal... memberikan keselesaan*) dan S5 (*kualiti daripada kuantiti*) menandakan pelajar mengesan ciri relevan (*mahal/kualiti*) tetapi masih tidak memformulasikan proposisi sasaran “mahal sedikit tetapi tahan lama”, maka jawapan sebegini dikelaskan pada proses metarepresentasi. Sebaliknya, jawapan seperti S7 (*keputusan yang susah dibuat...*) menunjukkan anjakan kepada tema umum tanpa pautan kepada domain *jual beli*. Jawapan begini dikodkan sebagai simulasi lemah atau terhad kerana hanya menghasilkan interpretasi literal yang tersasar daripada rangka konteks peribahasa. Dengan cara ini, setiap jawapan bukan sahaja dilabel ‘betul/salah’, malah dipetakan kepada proses kognitif yang lebih spesifik.

JADUAL 3. Contoh pemetaan jawapan tidak tepat Data 1 kepada MPTS dan Taksonomi Bloom

Kod	Jawapan Pelajar	Indikator Ringkas	MPTS	Bloom (semakan)
S1	Membeli barang yang bermanfaat.	Umum, tiada proposisi tahan lama	Simulasi	Memahami (KBAR)
S2	Mahal... memberi keselesaan...	Fokus ‘mahal’ tetapi salah perkaitan (selesa)	Metarepresentasi awal	Memahami
S5	Mementingkan kualiti daripada kuantiti.	Fokus ‘kualiti’ skematik, belum proposisi tepat	Metarepresentasi	Memahami → pramengaplikasi
S6	Biar murah asalkan dapat berjasa pada kita....	Biar murah asal dapat berjasa	Simulasi	Memahami

PROSES SIMULASI DALAM MPTS (2010)

Proses pertama yang dicadangkan oleh Stöver (2010) ialah proses simulasi. Proses simulasi merupakan proses asas yang berlaku dalam minda manusia untuk memahami sesuatu ungkapan yang tersirat dan proses ini melibatkan pemahaman secara harfiah sahaja. Berdasarkan contoh jawapan tersebut, pelajar dilihat memanfaatkan pengalaman badaniah mereka tentang konsep *membeli* dan *memakai*. Menurut Lakoff dan Johnson (1980), pengalaman badaniah ialah pengalaman manusia yang terbentuk melalui tubuh fizikal dan interaksi deria dengan dunia sekeliling. Contohnya ialah pergerakan, sentuhan, keseimbangan, orientasi ruang, emosi dan persepsi. Oleh itu, berdasarkan jawapan yang diberikan, terdapat jawapan yang menggambarkan adanya elemen ‘membeli’ dan ‘memakai’, iaitu seseorang individu sanggup mengeluarkan sejumlah wang yang dipersetujui antara penjual dengan pembeli untuk memiliki barang yang diinginkan. Dalam konteks ini, ‘memakai’ dapat difahami sebagai memiliki barang tersebut kerana apabila barang tersebut telah dimiliki, sudah pasti barang itu dapat dipakai (digunakan) oleh pemiliknya.

KEMAHIRAN BERFIKIR DALAM TAKSONOMI BLOOM (2001)

Dari sudut kemahiran berfikir, dapatan pada tahap simulasi ini sejajar dengan aras mengingat dalam Taksonomi Bloom (Anderson & Krathwohl, 2001), kerana pelajar hanya mengaktifkan pengetahuan asas tentang skema peristiwa (*pembeli – barang – harga – memakai*). Namun begitu, petunjuk penting bagi peribahasa ini ialah pertentangan konseptual ‘*alah*’ (kerugian awal) dibandingkan dengan ‘*menang*’ (keuntungan kemudian). Selagi pertentangan ini tidak dihubungkan sebagai hubungan sebab-akibat yang menghasilkan proposisi baharu, operasi kognitif pelajar kekal pada pemahaman literal dan belum memasuki pemaknaan implisit yang menuntut integrasi simbolik.

Seterusnya, pelajar juga dilihat telah mencapai peringkat yang kedua dalam MPTS, iaitu proses metarepresentasi. Stöver (2010) menekankan bahawa peringkat ini melibatkan proses menyaring maklumat yang berkaitan dan menggugurkan maklumat yang tidak berkaitan. Dengan kata lain, proses saringan ini membantu pembaca untuk mencari perkaitan antara setiap objek yang dikiaskan itu. Berdasarkan contoh jawapan pelajar, terdapat jawapan yang menunjukkan bahawa pelajar dapat mencari kaitan tersebut walaupun masih belum tepat seperti data S1, S2, S4 dan S5. Perkaitan yang dimaksudkan itu ialah perihal ‘membeli’ untuk memastikan barangan itu menjadi kepunyaan peribadi. Sebenarnya, perihal ‘membeli’ sangat dipengaruhi oleh alasan yang tertentu seperti barang yang ingin dibeli itu berkeadaan baik, berkualiti atau cantik. Oleh sebab itu, terdapat jawapan yang menyentuh perihal ‘barang yang bermanfaat, barang tersebut memberi keselesaan kepada diri dan barang itu menepati spesifikasi kualiti yang diinginkan’.

Walau bagaimanapun, jawapan-jawapan ini masih belum memenuhi kriteria inferens kerana (i) tidak mengintegrasikan dua komponen peribahasa sebagai struktur pertentangan (*alah* ↔ *menang*) dan (ii) tidak menambah unsur fungsional yang menjadi inti maksud, iaitu ketahanan atau keberlangsungan manfaat (tahan lama) sebagai justifikasi kos yang lebih tinggi. Misalnya, S1 (*barang yang bermanfaat*) dan S4 (*harga yang sesuai*) hanya mengekalkan ciri generik tanpa menunjukkan bagaimana ciri tersebut menyelesaikan konflik ‘kerugian awal vs keuntungan akhir’. S7 dan S8 pula memperlihatkan kegagalan yang lebih mendasar apabila jawapan bergerak kepada tema ‘bersusah-senang’ yang tidak berpaut kepada domain *jual beli*, sekali gus menandakan proses saringan konteks tidak berlaku secara memadai pada tahap metarepresentasi.

Analisis data ini jelas membuktikan bahawa para guru perlu mengajarkan kewajaran penggunaan simbol atau tingkah laku yang dikiaskan itu kepada pelajar kerana setiap simbol merupakan rangsangan yang ostensif bagi membolehkan peribahasa diinterpretasi dengan betul. Dalam Teori Relevans, pembaca akan memproses sebarang rangsangan luar atau representasi dalaman yang menjadi input bagi proses kognitif yang mungkin relevan pada seseorang individu pada suatu masa yang tertentu untuk mencapai relevan yang optimum (Sperber & Wilson, 1995, p. 608).

Kegagalan mencapai inferens dalam Data 1 boleh ditelusuri kepada prasyarat simulasi leksikal yang tidak stabil, khususnya pada kata *alah*. Apabila pelajar tidak mengaktifkan makna asas *alah* = *kalah/tewas* dan hubungannya dengan *menang*, maka simulasi awal yang sepatutnya membina rangka pertentangan tidak terbentuk dan akibatnya, metarepresentasi hanya beredar sekitar lambang umum seperti ‘mahal’, ‘kualiti’ atau ‘keselesaan’ tanpa mampu membina proposisi sasaran. Dalam kerangka pragmatik Relevans, kelemahan ini menyebabkan pelajar gagal menggunakan rangsangan ostensif (pilihan kata *alah* dan *menang*) untuk menapis input yang relevan dan seterusnya membentuk inferens yang optimum.

Dari perspektif bahasa, *alah* didefinisi sebagai kalah atau tewas (<https://prpm.dbp.gov.my>). Perkataan yang berlawanan dengan ‘*alah*’ ialah menang yang ditakrifkan sebagai berjaya atau berhasil mengalahkan (<https://prpm.dbp.gov.my>). Dalam konteks ini, pelajar tidak memahami makna ‘alah’ kerana perkataan ini sudah jarang digunakan pada zaman sekarang. Justeru, pembaca sewajarnya memahami bahawa ‘alah membeli’ (pembeli kalah apabila perlu mengeluarkan jumlah wang yang banyak), menang memakai (pada masa yang sama pembeli menang kerana barang yang dibeli itu tahan lama/berkualiti). Walaupun harga barang yang mahal itu seperti mengalahkan pembeli kerana pembeli terpaksa berbelanja lebih banyak, namun barang yang mahal dan berkualiti (boleh tahan lama) menjadikan pembeli menang akhirnya.

Oleh yang demikian, peribahasa *alah membeli menang memakai* merujuk makna ‘biar barang yang dibeli mahal sedikit asalkan tahan lama’. Pola jawapan bagi Data 1 menunjukkan majoriti jawapan tidak tepat berada pada metarepresentasi (mengesan sebahagian ciri relevan tetapi gagal mengintegrasikan ‘alah – menang’ kepada maksud proposisi), manakala sebahagian kecil jawapan berada pada simulasi tersasar (interpretasi literal/tema umum tanpa pautan konteks *jual beli*). Pemetaan ini meletakkan kebanyakan jawapan pada aras KBAR (mengingat–memahami) dalam Bloom dan belum mencapai aras mengaplikasi yang menuntut penggunaan konteks dan integrasi makna secara fungsional.

DATA 2

2. Seperti rusa masuk kampung

Maksud: Tercengang-cengang kehairanan apabila tiba di suatu tempat yang baharu.

Perbincangan ini diteruskan lagi dengan mengupas pula peribahasa *seperti rusa masuk kampung* bagi menonjolkan permasalahan tentang pemahaman makna peribahasa Melayu dalam kalangan pelajar Tingkatan 5 yang masih berada pada tahap yang minimum. Peratus pelajar yang tidak dapat memberikan jawapan yang betul bagi peribahasa ini ialah sebanyak 68%. Peratusan yang melebihi separuh (50%) ini ternyata turut berpunca daripada kegagalan pelajar memahami simbol kiasan bagi objek ‘rusa’ dan tingkah laku seekor rusa apabila masuk ke dalam sebuah kampung. Apabila jawapan pelajar diteliti, kebanyakan jawapan yang diberikan itu menggambarkan bahawa pelajar tidak dapat mengkonsepsikan dengan tepat maksud tersirat di sebalik maksud keadaan rusa yang tiba-tiba memasuki kawasan kampung. Pengkonsepsian yang tidak betul ini menyebabkan sebahagian makna yang diberikan itu tidak lengkap atau hampir betul sahaja. Bagi menjelaskan perkara yang dibincangkan ini, rujuk Jadual 3 yang berikut:

JADUAL 4. Contoh jawapan pelajar yang tidak betul bagi data 2

Peribahasa	Kod Sampel	Jawapan Tidak Betul
Seperti rusa masuk kampung	S1	Orang asing yang masuk ke tempat orang lain dengan sebarangan.
	S2	Orang baru dalam suasana yang baru.
	S3	Ke hulu ke hilir dengan tiada hala tuju.
	S4	Terkejut dengan budaya orang lain.
	S5	Tidak selesa dengan suasana yang baharu.
	S6	Seseorang yang megah apabila masuk ke tempat orang.
	S7	Sesuaikan diri di tempat baharu.
	S8	Orang biasa tak pernah balik kampung.

Bagi memastikan pemetaan jawapan pelajar kepada MPTS bersifat analitikal, kajian ini menetapkan kriteria operasi bagi Data 2. Simulasi ditandai oleh pemahaman asas terhadap simbol *rusa* dan *kampung* secara literal tanpa membina proposisi keadaan ‘rusa yang terpinga-pinga/kehairanan/gelabah’ apabila memasuki kawasan manusia. Metarepresentasi ditandai oleh usaha mengaktifkan tema yang hampir tepat (contohnya, orang baharu/asing, suasana baharu, tidak selesa) namun jawapan masih belum merumuskan proposisi sasaran yang menekankan kekok/tercengang/terpinga-pinga sebagai intipati kiasan. Inferens hanya dikodkan apabila jawapan menunjukkan integrasi simbol dan konteks sehingga menghasilkan proposisi tepat serta berpotensi diaplikasi pada situasi. Misalnya, menggambarkan individu yang kekok/terpinga-pinga apabila berada dalam persekitaran asing. Huraian ini diringkaskan dalam Jadual 5 yang berikut:

JADUAL 5. Contoh pemetaan jawapan tidak tepat kepada MPTS & Bloom

Kod	Jawapan Pelajar	Indikator Ringkas	Tahap MPTS	Bloom (semakan)
S1	Orang asing... dengan sebarangan.	Tema asing, tetapi proposisi 'terpinga-pinga' tidak jelas	Metarepresentasi	Memahami
S2	Orang baru dalam suasana yang baru.	Tema baharu/asing (hampir)	Metarepresentasi	Memahami
S3	Ke hulu ke hilir... tiada hala tuju.	Fokus 'tidak tentu arah' (sebahagian tingkah laku), tetapi tidak menyatakan kekok/tercengang	Metarepresentasi (separa)	Memahami
S4	Terkejut dengan budaya orang lain.	Kontekstual, tetapi menyempit kepada 't budaya'	Metarepresentasi	Memahami → pramengaplikasi
S5	Tidak selesa dengan suasana yang baharu.	Emosi (tidak selesa) tetapi belum proposisi tepat	Metarepresentasi	Memahami
S6	Megah apabila masuk ke tempat orang.	Bertentangan dengan proposisi sasaran (sepatutnya kekok/terpinga-pinga)	Simulasi tersasar / Metarepresentasi gagal	Mengingat/Memahami
S7	Sesuaikan diri di tempat baharu.	Nasihat umum; proposisi tidak spesifik	Simulasi (umum)	Mengingat/Memahami
S8	Orang biasa tak pernah balik kampung.	Putus simbol (rusa = orang biasa)	Simulasi (putus simbol)	Mengingat

Secara prosedural, pemetaan dilakukan melalui pemetaan mikro berasaskan penanda dalam jawapan. Jawapan yang hanya menyatakan tema umum seperti 'orang baharu/suasana baharu' (S2, S5) ditafsir sebagai metarepresentasi kerana pelajar telah mengaktifkan sebahagian konsep relevan (asing/baharu), namun belum membina proposisi sasaran yang menekankan keadaan 'terpinga-pinga/kehairanan/gelabah' akibat peralihan habitat. Jawapan yang mengalih makna kepada tema yang bercanggah atau terlalu generik (S6, S7) pula menandakan kegagalan menyaring konteks yang relevan, manakala jawapan S8 diklasifikasikan sebagai simulasi putus simbol kerana pemetaan 'rusa sebagai orang biasa' tidak didukung oleh hubungan simbol-sasaran dalam peribahasa tersebut. Dengan cara ini, label MPTS dan Bloom bukan sekadar kesimpulan, tetapi berpaut pada indikator yang konsisten merentas jawapan.

Merujuk Jadual 4, jawapan S1 hingga S5 pada asasnya bukanlah jawapan yang terlalu literal kerana jawapan pelajar masih mendukung sebahagian konsep yang berkait dengan situasi 'masuk ke tempat asing', misalnya unsur 'orang baharu', 'suasana baharu', 'terkejut' atau 'tidak selesa'. Walau bagaimanapun, jawapan-jawapan ini masih bersifat skematik kerana pelajar belum memformulasikan maksud proposisi yang stabil, iaitu keadaan 'terpinga-pinga/tercengang/gelabah' apabila berada dalam persekitaran yang asing. Hal ini berbeza dengan jawapan S8 yang jelas menunjukkan bahawa pelajar tidak mengaktifkan pengalaman badaniah atau pengalaman imagistik yang relevan tentang rusa dan tingkah laku rusa apabila memasuki sebuah kampung. Akibatnya, simbol 'rusa' dipetakan sebagai 'orang biasa' sehingga hubungan antara lambang dan maksud kiasan tidak terbina. Oleh sebab itu, S8 wajar dikategorikan sebagai simulasi putus simbol, manakala S1 hingga S5 lebih tepat ditafsir sebagai metarepresentasi yang belum sempurna. Dalam pemetaan kepada Taksonomi Bloom (semakan), dominasi metarepresentasi ini menempatkan kebanyakan respons pada aras memahami (KBAR) dan masih belum memperlihatkan capaian aras kemahiran berfikir mengaplikasi yang menuntut pembinaan inferens secara kontekstual.

PROSES SIMULASI DALAM MPTS (2010)

Dalam MPTS, proses simulasi melibatkan pemahaman asas terhadap ciri asas simbol yang dikiaskan itu. Carston (2010) menjelaskan kepentingan melibatkan maklumat imagistik untuk memahami metafora (ungkapan implisit), iaitu *imagistic and propositional representations often get extensively intertwined in communication in order to get ostensively communication*. Dengan kata lain, pengalaman imagistik membantu pembaca atau pendengar mencapai komunikasi yang ostensif yang berbaloi untuk diproses. Dalam konteks data 2, simbol rusa dan kampung perlu difahami terlebih dahulu dengan memanfaatkan pengalaman badaniah dan pengalaman ensiklopedia yang dimiliki. Kedua-dua simbol yang digunakan ini merupakan simbol yang cukup dekat dengan kehidupan dan masyarakat Melayu yang mencipta kiasan ini. Hal ini demikian kerana rusa ialah antara haiwan mamalia yang lazim dijumpai di Asia Tenggara seperti Malaysia. Rusa di Malaysia dikenali sebagai rusa sambar dan habitat rusa pula adalah di dalam hutan (Nur Fatin Khodri et al., 2023). Rusa juga hidup secara berkelompok. Apabila orang Melayu dahulu memburu di dalam hutan, rusa merupakan haiwan yang sering diburu untuk mendapatkan dagingnya sebagai sumber makanan untuk manusia (Kiran Jacob, 2025).

Seterusnya, simbol kampung yang menjadi inti dalam peribahasa ini sememangnya menjelaskan latar kehidupan orang Melayu yang tinggal di kampung. Oleh itu, pelajar yang tidak mempunyai pengalaman dan menyimpan maklumat tentang sifat rusa, habitat rusa dan keadaan rusa yang masuk ke dalam kampung dalam keadaan terpinga-pinga tentulah tidak dapat membuat perkaitan dan merangsang simulasi minda mereka dengan baik pada peringkat simulasi ini. Berdasarkan jawapan S1 hingga S7, kebanyakan jawapan pelajar itu menunjukkan bahawa mereka hanya dapat memahami secara literal ‘apakah itu rusa’ dan apakah makna ‘masuk kampung’.

PROSES METAREPRESENTASI DALAM MPTS (2010)

Proses mencungkil maksud tersirat ini perlu diteruskan lagi dengan melakukan proses metarepresentasi. Stöver (2010) menjelaskan bahawa perantaraan berlaku dalam proses ini, iaitu proses yang mengubah representasi pengalaman imagistik yang terkandung dalam kognitif pembaca kepada unsur proposisi untuk diproses pada peringkat inferens. Oleh itu, ekspresi yang bersifat selapis ini perlu diperkemas atau disemak (*inspection*) dengan mencari perkaitan antara setiap satu simbol yang membina peribahasa seperti *rusa masuk kampung*. Hasil analisis menunjukkan bahawa pelajar tidak dapat memberikan maksud yang tersirat dengan tepat tentang tingkah laku rusa masuk ke kampung. Jika pelajar mempunyai pengalaman badaniah atau maklumat imej yang lebih jelas tentang keadaan rusa masuk kampung, sudah pasti mereka dapat membayangkan dengan jelas keadaan rusa yang terpinga-pinga, kehairanan dan ketakutan apabila memasuki kawasan manusia kerana habitat semula jadi rusa adalah di dalam hutan. Perubahan suasana, iaitu daripada suasana sepi di dalam hutan berubah kepada suasana yang sibuk dengan aktiviti manusia di kampung menyebabkan rusa menjadi terpinga-pinga kehairanan. Abstraksi simbol inilah yang gagal difahami dan dikaitkan dengan jelas oleh para pelajar untuk mendapatkan satu makna yang tepat. Oleh sebab itu, jawapan yang diberikan ialah sekadar andaian pelajar sahaja, iaitu seperti masuk ke tempat orang lain, suasana yang baharu dan ke hulu hilir dengan tiada tujuan. Impak daripada kaedah hafalan juga menyebabkan kebanyakan jawapan yang dikemukakan itu tidak tepat dari segi menjelaskan keadaan ‘terpinga-pinga’. Oleh itu, terhasillah jawapan ‘tidak selesa’, ‘terkejut dengan budaya orang’ dan ‘berasa megah’.

Dalam Data 2, peralihan daripada simulasi kepada metarepresentasi menuntut pelajar bukan sahaja mengetahui ‘apakah itu rusa’ dan ‘apakah maksud masuk kampung’ secara literal, malahan pelajar perlu menapis ciri yang relevan, iaitu habitat hutan, ruang manusia yang asing dan asing untuk membina imej mental rusa yang terkejut, takut dan terpinga-pinga. Pada tahap metarepresentasi, pelajar lazimnya berhenti pada tema umum ‘suasana baharu/orang baharu’ tanpa merumuskan proposisi tersebut.

Bagi memperlihatkan perbezaan yang jelas antara metarepresentasi dan inferens, kajian ini menekankan bahawa jawapan yang mencapai inferens seharusnya merumuskan maksud peribahasa secara tepat sebagai *seseorang yang terpinga-pinga/kekok/tercengang-cengang apabila berada di tempat asing* dan seterusnya mampu mengaitkannya dengan situasi yang diberikan. Jawapan yang mempunyai ciri sedemikian menandakan bahawa pelajar bukan sahaja memahami simbol *rusa* dan *kampung* secara literal, malah berjaya menapis input yang relevan (habitat hutan, ruang manusia yang asing, reaksi ketakutan/kelam-kabut) untuk membentuk proposisi yang stabil. Dari sudut Taksonomi Bloom (2001), respons inferens ini sekurang-kurangnya mencapai aras kemahiran berfikir mengaplikasi, manakala jawapan yang berhenti pada ‘orang baharu/suasana baharu’ tanpa proposisi yang jelas masih kekal pada aras kemahiran berfikir memahami.

Secara keseluruhan, analisis Data 2 menunjukkan bahawa kelemahan pelajar yang lebih khusus ialah pelajar gagal mengintegrasikan simbol dan konteks bagi membentuk proposisi sasaran. Pola jawapan yang dominan pada tahap metarepresentasi serta sebahagian kecil simulasi putus simbol menjelaskan punca kebanyakan pelajar masih berada pada aras KBAR menurut Bloom (2001) dan belum konsisten mencapai aras kemahiran berfikir mengaplikasi yang memerlukan inferens yang mantap.

KESIMPULAN

Kajian ini membuktikan bahawa faktor pelajar gagal memahami sifat dan ciri simbol serta perkaitan simbol-simbol yang menjadi inti peribahasa Melayu menjadi punca utama kegagalan pelajar menguasai dan memahami maksud peribahasa Melayu di Malaysia. Ketidakmampuan para pelajar Tingkatan 5 memahami maksud peribahasa ini dapat dikenal pasti dan dibuktikan berdasarkan jawapan pelajar yang dipetakan kepada kerangka MPTS. Kerangka MPTS yang bersifat inklusif dan bermodular ini adalah praktikal untuk dimanfaatkan kerana MPTS yang berteraskan domain sains kognitif mampu menjelaskan hubungan setiap proses mental yang berlaku ketika menginterpretasi ungkapan yang tersirat. Kemudiannya, pemetaan ini membolehkan satu kesimpulan yang dapat dipertanggungjawabkan dibuat, iaitu tahap penguasaan pelajar terhadap peribahasa Melayu masih berada pada tahap KBAR, iaitu tahap yang hanya melibatkan tahap mengingat dan memahami sahaja. Hal ini menjelaskan bahawa tahap kemahiran berfikir pelajar masih lagi belum mampu mencapai tahap KBAT.

Oleh itu, kajian kes yang dijalankan ini merupakan satu inisiatif untuk mengetengahkan impak kaedah PdP aspek peribahasa yang sedia ada yang dilihat tersasar daripada objektif PPPM. Isu yang telah dikenal pasti ini sewajarnya diatasi dengan satu penyelesaian yang efektif bagi memastikan PdP peribahasa Melayu bukan sekadar satu tuntutan bagi memenuhi silibus pembelajaran. Justeru, kajian ini dapat membantu guru untuk mengenal pasti tahap kemahiran berfikir pelajar dan memikirkan strategi PdP yang lebih bersesuaian untuk mengajarkan topik peribahasa Melayu kepada pelajar. Usaha yang dijalankan ini tentunya dapat menjadikan

peribahasa Melayu sebagai satu medium untuk mengasah kemahiran berfikir para pelajar dengan lebih optimum sekali gus menjadi platform bagi melestarikan akal budi Melayu yang kreatif dan kritis.

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang terlibat melaksanakan dan menyempurnakan makalah ini.

RUJUKAN

- Anderson, L.W., & Krathwohl (Eds.). (2001). *A taxonomy for learning, teaching, and assessing: A revision of bloom's taxonomy of educational objectives*. Longman.
- Asad Mohamed, & Nor Hashimah Jalaluddin. (2018). Abstraksi objek konkrit dalam peribahasa Melayu; Analisis Semantik Inkuisitif. *Jurnal Bahasa*, 18(2).
[https://doi.org/10.37052/jb18\(2\)no1](https://doi.org/10.37052/jb18(2)no1)
- Asiah Abdul Rahman. (2018). *Peribahasa sekolah menengah*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015a). *Ensiklopedia bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2015b). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan edisi kedua*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bujang, G. R., & Mary Fatimah Subet. (2021). Penggabungjalinan pendekatan Semantik Inkuisitif dengan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran-pembelajaran bahan seni bahasa. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(2), 55–66.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.2.5.2021>
- Carston, R. (2010). *Thoughts and utterances: The pragmatics of explicit communication*. Blackwell Publishing.
- Hasmidar Hassan. (2016). Penginterpretasian peribahasa dan hubungannya dengan kemahiran berfikir: Analisis berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Bahasa*, 16(1).
<https://jurnal.dbp.my/index.php/jurnalbahasa/article/view/4251/1392>
- Hishamudin Isam, & Mashetoh Abd Mutalib. (2015). Memahami pemikiran Melayu melalui pemingkiaan makna lexis *darah* dalam peribahasa. *Jurnal Melayu*, 14(2).
<https://journalarticle.ukm.my/9455/1/11444-31067-2-PB.pdf>
- Junaini Kasdan, & Julaina Nopiah. (2021). Padi dalam peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 9 (1).
<https://journalarticle.ukm.my/16204/1/jatma-2021-0901-06.pdf>
- Kiran Jacob. (2025). Cover story: Saving the Malayan tiger by protecting its prey.
<https://theedgemalaysia.com>
- Muhammad Zaid Daud, & Mary Fatimah Subet. (2022). Ayam sebagai rujukan makna inkuisitif berhati-hati, sia-sia dan khianat dalam peribahasa Melayu, *Jurnal Kajian Malaysia*, 40(1).
http://web.usm.my/km/earlyView_May2021/16_KM-OA-06-19-0071.R4.pdf
- Nor Hafuza Muhammad Arif, Maizura Osman, & Hasmidar Hassan. (2024a). Penginterpretasian metafora air sebagai interaksi hubungan dalam *weltanschauung* Melayu: Satu analisis Model Hibrid Baharu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 12(1). <http://ejournal.ukm.my/jatma/index>

- Nor Hafuza Muhammad Arif, Maizura Osman, & Hasmidar Hassan. (2024b). Metafora api dalam teks Melayu sebagai manifestasi nilai: Analisis Model Hibrid Baharu. *Jurnal Pertanika*, 32(S1). <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.S1.04>
- Nor Hashimah Jalaluddin, (2014). *Semantik dan akal budi Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norziana Mat Rabi, Zulkifli Osman, Anida Sarudin, Husna Faredza Mohamed Redzwan, & Norfishah Mat Rabi. (2020). Penerapan elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Buku Teks Bahasa Melayu Tahun Enam sekolah rendah. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(2), 57-67.
- Nur Athirah Ariffin, & Faridah Yunus. (2017). Kesiediaan guru prasekolah dalam melaksanakan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran. *Simposium Pendidikan DiPeribadikan: Perspektif Risalah An-Nur (SPRiN2017)*, 147–152.
- Nur Fatin Khodri, Tukimat Lihan, Muzneena Ahmad Mustapha, Taherah Mohd Taher, Nurul Atikah Tajul Ariffin, Nur Izzati Abdullah, Nurul Darsani Amat Darbis, Siti Hajar Atiqah Razali, & Shukor Md Nor. (2023). Ramalan kesesuaian habitat rusa sambar (rusa unicolor) di Kompleks Hutan Utama Taman Negara dan sekitarnya. *Sains Malaysiana*, 52(2). https://pkukmweb.ukm.my/jsm/pdf_files/SM-PDF-51-2-2023/2.pdf
- Nur Syuaidatul Haneesa Mohd Shaffie, Nur Hafiza Muhammad Redzwan, Wan Nur Insyirah Qistina Wan Ahmad A'fif, Nur Maizatul Asyira Kadir & Nur Fatimah Zaini. (2025). Penguasaan peribahasa Melayu dalam kalangan murid-murid Tahun Enam. *Jurnal Melayu Sedunia*, 8(1), 43–59.
- Siti Raudhatul Jannah Iskandar Miza & Nor Azwahanum Nor Shaid. (2025). Penjejakan mata dalam menganalisis pembacaan peribahasa bakal guru bahasa Melayu dalam buku teks tingkatan 4 dan 5. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC)*, 10(59). <https://doi.org/10.35631/IJEPC.1059085>
- Sperber, D., & Wilson, D. (1995). *Relevance: Communication and cognitive* (2nd ed.). Wiley-Blackwell.
- Stöver, H. (2010). *Metaphor and relevance theory: A new hybrid model*. (Tesis doktor falsafah, University of Bedfordshire). <https://uobrep.openrepository.com>
- Tenas Effendy. (2010). *Kearifan pemikiran Melayu*. Penerbit Yayasan Tenas Effendy.
- Tendahl, M. (2008). *A hybrid theory of metaphors: Relevance theory and cognitive linguistic*. (Tesis Doktor Falsafah, Universiti of Dortmund).
- Thavarajah, S., Anida Sarudin, Zulfikli Osman, Husna Faredza Mohamed Redzwan, Wiwiek Afifah, & Mohd Amir Mohd Zahari. (2021). Pentaksiran analitik dan analitik dan holistik elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam penulisan berdasarkan Teori Metafora Konsepsi, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 1-15.
- Za'ba. (2002). *Ilmu mengarang Melayu: Edisi ejaan rumi baharu dengan pengenalan oleh Asmah haji Omar*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, & Ahmad Fuad Mat Hassan. (2011). *Peribahasa Melayu: Penelitian makna dan nilai*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.

PENULIS:

NOR HAFUZA MUHAMMAD ARIF (Penulis koresponden)
Kulliyyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari,
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Pagoh, Malaysia
Emel: norhafuza@iium.edu.my

HASMIDAR HASSAN (PhD)
Fakulti Bahasa dan Sains Sosial,
Universiti Brunei Darussalam, Brunei
Emel: hasmidar.hassan@ubd.edu.bn